

PM bidas PBB gagal bertindak ke atas Israel

BACHOK 21 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini membidas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kerana gagal mengambil tindakan terhadap Israel yang mencabul gencatan senjata di selatan Lebanon kelmarin.

Perdana Menteri berkata, PBB seolah-olah 'kaku' untuk mengambil tindakan ke atas Israel yang jelas mencabul Resolusi 1701 Majlis Keselamatan apabila ia menyerang kubu kuat pergerakan Hizbullah di Baalbel yang mengorbankan tiga orang pejuang pergerakan itu.

Abdullah yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) memberitahu, bagaimanapun PBB akan cepat bertindak jika negara-negara lain melakukan kesilapan.

"Bila kena kepada Israel, PBB seolah-olah kaku, tidak boleh mengambil apa-apa tindakan ke atas rejim Zionis itu," katanya mengulas pencabulan Israel terhadap gen-

catan senjata yang diputuskan menerusi Resolusi 1701 oleh Majlis Keselamatan PBB, di sini hari ini.

Abdullah adalah dalam rangka lawatan dua hari ke Kelantan yang berakhir malam ini.

Semalam di New York, Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan mengakui tindakan Israel yang mencabul gencatan senjata ditetapkan oleh PBB untuk menamatkan konflik di Lebanon.

Annan juga melahirkan rasa bimbang mengenai tindakan Israel itu dan meminta laporan harian dikemukakan kepada Majlis Keselamatan berhubung kepatuhan terhadap resolusi gencatan senjata berkenaan.

Abdullah menjelaskan, Israel sebenarnya tidak boleh dipercayai kerana mereka tidak mengambil endah tentang PBB dan langsung tidak menghormati keputusan Majlis Keselamatan itu.

"Sebelum ini pun Israel tidak mematuhi beberapa keputusan Majlis Keselamatan PBB," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, OIC akan terus mendesak PBB supaya menguatkuasakan gencatan senjata bagi memastikan keamanan di Lebanon.

Berhubung penolakan Israel terhadap rancangan Malaysia menghantar pasukan pengaman ke Lebanon, Abdullah memberitahu, keputusan Malaysia berbuat demikian sebenarnya didorong oleh kerajaan Lebanon sendiri.

Katanya, semasa krisis di Bosnia, kerajaan telah menghantar pasukan pengaman ke negara itu walaupun Malaysia menentang pencerobohan Serbia ke atas Bosnia.

Israel membantah penghantaran tentera pengaman Malaysia ke Lebanon kerana mendakwa Malaysia tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel.